



اَوْبُوْرَسِيْتِي تِي كُنُوْلُوْمِي مَارَا

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHAMAD NOOR AWANG BIN KECHIK  
KOLEKTOR KERIS DAN SENJATA-SENJATA MELAYU

OLEH:

NOR FADILAH BINTI CHE MAN

2011697398

NOR IZZATI BINTI ABD GHANI

2011673778

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHAMAD NOOR AWANG BIN KECHIK  
MENGENAI PENGUMPULAN KERIS-KERIS DAN SENJATA MELAYU

OLEH:

NOR FADILAH BINTI CHE MAN

2011697398

NOR IZZATI BINTI ABD GHANI

2011673778

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai masalah yang kami hadapi sebelum dan selepas sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian Lisan, Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi komen dan nasihat yang berguna kepada kami bagi memastikan tugas ini lengkap dan memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh sejarah lisan iaitu Encik Muhamad Noor bin Awang Kechik kerana sudi member kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami.

Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa kami kerana telah banyak memberi sokongan kepada kami sama ada dari segi kewangan ataupun semangat dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan perjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	9
Bahagian B: Pengalaman sebagai seorang guru.....	20
Bahagian C: Pengalaman sebagai kolektor keris.....	24
Senarai Soalan.....	46
Log Temubual.....	50
Indeks.....	56
Rujukan.....	58
Lampiran	
Gambar	
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mohamad Noor Bin Awang Kechik mengenai kerjaya beliau dalam bidang perguruan dan pengkerisan. Temubual ini dijalkankan di kediaman beliau di Kampung Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan pada 22 November 2013 pada pukul 2.00 petang. Beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang pengkerisan yang terkenal bukan sahaja di Kelantan malah di peringkat antarabangsa. Beliau telah menceburi bidang pengkerisan ini sejak beliau berumur lapan tahun sehingga ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang pendidikan dan pengkerisan ini. Selain itu beliau juga turut memberikan pandangan dan nasihat beliau dalam memperkasakan lagi bidang pengkerisan ini pada masa akan datang.*

**Kata kunci:** *Encik Mohamad Noor Bin Awang Kechik, pendidikan, pengkerisan, Kelantan*

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1	<b>Nama Penuh</b>	Mohamad Noor Awang Bin Kechik
2	<b>Alamat Surat-Menyurat</b>	Lot 111, Kampung Bunut Susu, Pasir Mas
3	<b>Kelahiran</b>	1 april 1946
4	<b>Jantina</b>	Lelaki
5	<b>Bangsa</b>	Melayu
6	<b>Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)</b>	1) Sekolah Kebangsaan Bunut Susu, Pasir Mas 2) Sekolah Sultan Ibrahim Pasir Mas 3) Sekolah Menengah Alam Syah, Putrajaya (1963-1964) 4) Maktab Perguruan Pasir Panjang, Terengganu (1966-1968)
7	<b>Keluarga (Adik-beradik, Isteri, dan Anak);</b>	Adik-beradik – 3 orang Isteri – Yuslaina Binti Yusuf Anak- 12 orang



8	<b>Kerjaya</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru di sekolah kebangsaan LKTP jerangau hulu Terengganu (3.1.1969)</li> <li>2) Sekolah Menengah Bunut Susu (1979)</li> <li>3) Penyelia petang di Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah (1985)</li> <li>4) Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas (2001)</li> <li>5) coordinator di bidang pendidikan antara Malaysia dan Thailand</li> <li>6) penceramah dalam bidang ilmu pengkerisan</li> <li>7) ahli seumur hidup persatuan seni purba negeri Kelantan,</li> <li>8) Ahli Jawatankuasa Seni Purba Negeri Kelantan</li> <li>9) Ahli Persatuan Sejarah Malaysia</li> <li>10) Pengurus Pertukangan Besi di negeri Kelantan.</li> <li>11) Timbalan Pengurus Kelab Warisan Kelantan</li> </ol>
9	<b>Sumbangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Program Menjejaki Laluan Dato Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah di Kampung Pasir Raja Hulu Tembeling Terengganu</li> <li>2) Pameran di Perlis, Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang</li> <li>3) Pemeran di Yala, Thailand</li> <li>4) Pertandingan Keris Cantik di Kuala Lumpur, Shah Alam, Kelantan, Terengganu</li> </ol>

		<p>5) Kajian buruh paksa “river kwai” di Kangchanburi Thailand</p> <p>6) Seminar bunga emas di Muzium Kedah</p> <p>7) Seminar Sejarah peringkat kebangsaan di Kuala Terangganu</p> <p>8) Membentangkan kertas kerja kepada Persatuan Purba Negeri Pahang, Persatuan Seni Purba Negeri Selangor, Muzium Negeri Kelantan, Persatuan Seni Purba Kuala Lumpur</p>
--	--	---

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

**Petunjuk:**

**NI: Nor Izzati Binti Abd Ghani**

**MN: Muhamad Noor Bin Awang Kechik**

### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

**NI** : Assalamualaikum dan selamat petang saya ucapkan kepada Encik Muhamad Noor Bin Awang Kechik (bunyi ayam berkokok) kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini. Sebelum kita pergi dengan lebih mendalam, izinkan saya memperkenalkan diri saya terlebih dahulu. Saya Nor Izzati binti Abd Ghani bersama rakan saya Nor Fadilah binti Che Man akan menemuramah Encik Muhamad Noor Bin Awang Kechik (bunyi ayam berkokok) tentang pengalaman dalam hidup beliau sebagai kolektor keris. Kami merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat di Universiti Teknologi Mara, Machang Kelantan. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan IMR604 yang diberikan oleh pensyarah kami Puan Nor Kamariah binti chik (bunyi ayam berkokok). Kami telah memilih Encik Muhamad Noor sebagai tokoh yang kami ingin wawancara kerana ingin mengetahui lebih lanjut tentang bidang pengumpulan keris ini. Baiklah sekarang saya ingin teruskan dengan sesi temuramah.

**NI : Boleh cikgu beritahu nama penuh cikgu?**

**MN :** Nama saya ialah Muhamad Noor bin Awang Kechik (bunyi ayam berkokok).  
Dilahirkan pada *satu hari bulan april seribu sembilan ratus empat puluh enam*  
[1 April 1946]. Umur saya sekarang ialah *enam puluh tujuh* [67] tahun.

**NI : Di mana cikgu dilahirkan? (bunyi ayam berkokok)**

**MN :** Saya di lahirkan di Lot *satu satu satu* [111], Kampung Bunut Susu, *tujuh belas*  
*kosong dua kosong* [17020] Pasir Mas Kelantan.

**NI : Boleh cikgu beritahu kami nama ayah cikgu?**

**MN :** Nama ayah saya ialah Awang Kechik (bunyi ayam berkokok) bin Ibrahim.

**NI : (bunyi kipas angin) Nama ibu cikgu?**

**MN :** Manakala nama ibu ialah Lijah Binti Awang Besar.

**NI : Apa pekerjaan ayah cikgu?**

**MN :** Pekerjaan ayah saya ialah sebagai seorang petani

**NI : Pekerjaan ibu cikgu?**

**MN :** Manakala ibunya pula (bunyi ayam berkokok) ialah sebagai suri rumah.

**NI : (bunyi kipas angin) Bolehkah kami tahu adakah mereka masih ada sekarang?**

**MN :** Kedua-dua orang tua saya telah pun meninggal dunia lebih kurang *sebelas* [11] tahun yang lalu.

**NI : (bunyi kipas angin) Cikgu ada berapa orang adik beradik?**

**MN :** Saya mempunyai *tiga* [3] orang adik beradik. Abang saya bernama Wok bin Awang Kechik, manakala kakak saya pula nombor *dua* [2] bernama Fatimah binti Awang Kechik. Mereka berdua ini (bunyi ayam berkokok) menginap di Songkla, Petani Thailand.

**NI : Siapakah nama isteri cikgu?**

**MN :** Nama isteri saya ialah (bunyi kipas angin) Yuslaina binti Yusuf. Beliau ialah sebagai seorang guru. Berasal daripada Kampung Ketereh Kota Bharu dan bertugas di *Skoloh* [Sekolah] Kebangsaan Bechah Durian, Pasir Mas Kelantan.  
(bunyi kipas angin)

**NI** : **(bunyi kipas angin) Umur isteri cikgu sekarang?**

**MN** : Umur (bunyi ayam berkokok) isteri saya ialah *empat puluh tujuh* [47] tahun.

**NI** : **Bila cikgu berkenalan dengan isteri cikgu?**

**MN** : Saya berkenalan dengan isteri saya ialah pada tahun *seribu sembilan ratus lapan puluh lima* [1985].

**NI** : **Bilakah cikgu mendirikan rumah tangga?**

**MN** : Kemudian terus mendirikan rumah tangga *sesudah* [setelah] saya berpisah dengan isteri saya yang pertama.

**NI** : **Cikgu ada berapa orang anak?(bunyi kipas angin dan bunyi ayam berkokok)**

**MN** : Saya mempunyai *dua belas* [12] orang anak hasil daripada perkahwinan saya dengan isteri pertama dan *kedua* [ke-2].

**NI** : **Boleh cikgu ceritakan tentang anak-anak cikgu?**

**MN** : Anak saya yang pertama ialah Mejar Noor Azlan bin Muhamad Noor (bunyi ayam berkokok) berumur *empat puluh satu* [41] tahun. Beliau bertugas sebagai pegawai memerintah (bunyi suara kanak-kanak) *TUDM* [Tentera Udara Diraja Malaysia] Kuantan di bahagian logistik. Manakala anak yang *keduanya* [ke-2] pula bernama Noor Azman bin Muhamad Noor, beliau sebagai seorang Pegawai Teknologi Pendidikan. Bertugas di bahagian teknologi pendidikan Negeri Kelantan, Pengkalan Chepa *beromor* [berumur] *tiga puluh sembilan* [39] tahun. Manakala anak saya yang *ketiga* [ke-3], bernama Noor Azran bin Muhamad Noor *beromor* [berumur] *tiga puluh lima* [35] tahun, bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Rendah Kebangsaan Tumpat. Manakala anak yang *keempat* [ke-4], Noor Azlin binti Muhamad Noor *beromor* [berumur] *tiga puluh tiga* [33] tahun, sebagai Pegawai Makmal di Hospital Banting Selangor [Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Malaysia]. Manakala anak yang *kelima* [ke-5] bernama Mohd Faris Syah *beromor* [berumur] *dua puluh dua* [22] tahun, pelajar Politeknik Kota Bharu [Politeknik Kota Bharu, Km 24, Kok Lanas, 16450, Ketereh, Kelantan, Malaysia] di bidang kejuruteraan awam. Anak yang *keenam* [ke-6], Noor Amalina Afifah belajar di Universiti Sains Pulau Pinang [Jalan Sungai Dua, 11800 Georgetown, Pulau Penang, Malaysia] di bahagian Kemanusiaan, berumur *dua puluh satu* [21] tahun. Manakala anak yang *ketujuh* [ke-7], Noor Farah Aisyah, pelajar Politeknik Shah Alam [Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan] *beromor* [berumur] *dua puluh*



[20] tahun, belajar dalam bidang *International Bisnes* [bisnes antarabangsa]. Manakala anak yang *kelapan* [ke-8], Mohd Amar Shah belajar di Yayasan Melaka [Yayasan Melaka Aras 15-16, No 110, Bangunan Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, 75300, Melaka, 75300, Malaysia ] di bahagian elektrik, berumur *lapan belas* [18] tahun. Anak yang *kesembilan* [ke-9], Mohd Afiq Aiman Shah, pelajar PMR di Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai *beromor* [berumur] *lima belas* [15] tahun. Anak yang *keseperuluh* [ke-10], Noor Fatimah Hanun, pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang *Membang* [Bemban] [SMK Kubang Bemban Jalan Meranti, 17000 Pasir Mas, Kelantan, Malaysia] di tingkatan *satu* [1] berumur *tiga belas* [13] tahun. Manakala anak yang *kesebelas* [ke-11], Mohd Arif Hafizi Shah, belajar di *Skoloh* [Sekolah] Kebangsaan Bunut Susu [Pasir Mas] di tahun lima, berumur *sebelas* [11] tahun, dan anak saya yang *kedua belas* [ke-12], ialah Mohd Alif Amin Shah, belajar di Sekolah Kebangsaan Bunut Susu [Pasir Mas] berumur *sembilan* [9] tahun di tahun *tiga* [3].

**NI** : **(bunyi kipas angin) Berapa orang anak cikgu yang telah berkahwin?**

**MN** : (bunyi telefon) Anak saya yang telah berkahwin ialah seramai *empat* [4] orang.

**NI** : Jadi kebiasannya, bila keluarga cikgu akan berkumpul bersama-sama?(bunyi suara kanak-kanak)

**MN** : Biasanya keluarga saya akan berkumpul secara penuh iaitu setiap hari raya yang *kedua* [ke-2], samaada di hari Raya Aidilfitri ataupun hari Raya Aidiladha.  
(gangguan suara)

**NI** : **Cikgu ada berapa orang cucu?**

**MN** : Saya mempunyai *lima belas* [15] orang cucu.

**NI** : **Berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?**

**MN** : Cucu mempunyai *lima belas* [15] orang cucu, *lapan* [8] orang *laki-laki* [lelaki], manakala *tujuh* [7] orang perempuan.

**NI** : **Boleh cikgu ceritakan zaman masa kanak-kanak cikgu?**

**MN** : Saya semasa zaman kanak-kanak kerana *kedua* [ke-2] abang dan kakak saya berada di Selatan Thailand, menetap di sana manakala saya *pulak* [pula] terpaksa menetap di kampung Bunut Susu [Pasir Mas], adalah merupakan seorang anak yang begitu dimanjakan oleh kedua-dua orang tua saya. Dan pada ketika itu saya merupakan anak yang cukup disayangi oleh kedua-dua ibu bapa

saya.

**NI** : **(bunyi kipas angin) Siapakah yang menjadi idola cikgu dari kecil sampai sekarang?**

**MN** : Idola saya *ni* [ini] banyak. Masa saya *kecik* [kecil], Idola saya ialah saya cukup berminat dengan Hang Jebat pada ketika itu. Kerana beliau *ni* [ini] (sambil ketawa) merupakan seorang pahlawan yang begitu berperinsip. Manakala di peringkat sekolah, idola saya ialah Almarhum Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama kerana pada saya beliaulah sentiasa meniup semangat kebangsaan di dalam menentukan arus perjuangan kemerdekaan negara. Kemudian idola saya yang *ketiga* [ke-3] ialah Perdana Menteri kita yang *keempat* [ke-4] iaitu Tun Dr Mahathir Muhammad sebab beliau merupakan Perdana Menteri yang menentukan hala tuju negara sehinggalah kepada ke tahap ini.

**NI** : **Dimana sekolah pertama cikgu?**

**MN** : *Skolah* [sekolah] pertama saya ialah *skolah* [sekolah] umum yang sekarang dipanggil Sekolah Kebangsaan Bunut Susu [Pasir Mas]. Saya bermula *berskoloh* [bersekolah] di *skolah* [sekolah] itu pada tahun *seribu sembilan ratus lima puluh tiga* [1953] sehingga *seribu sembilan ratus lima puluh lapan* [1958]. Manakalah *skolah* [sekolah] kedua [ke-2] ialah Sekolah Sultan Ibrahim Pasir

Mas daripada tingkatan *satu* [1] sampai ke tingkatan *tiga* [3]. Dan *skolah* [sekolah] saya yang terakhir ialah di *Skoloh* [Sekolah] Menengah Alam Syah, merupakan pelajar pertama Sekolah Menengah Alam Syah [Parcel G Presint, 62520 Putrajaya, WP Putrajaya, Malaysia] di tingkatan *empat* [4] dan tingkatan *lima* [5] pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh tiga* [1963] sampai *seribu Sembilan ratus enam puluh empat* [1964].

**NI : (bunyi kipas angin) Adakah cikgu bergiat aktif semasa di sekolah?**

**MN :** Semasa di sekolah, terutama sekali di Sekolah Menengah Alam Syah, saya bergiat aktif dalam bidang persatuan pengakap, persatuan bahasa melayu dan aktiviti-aktiviti tambahan pada waktu petang.

**NI : Dimanakah cikgu sambung belajar selepas tamat sekolah menengah?**

**MN :** Selepas tamat sekolah menengah, pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh enam* [1966], (bunyi suara kanak-kanak) saya terus melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Pasir Panjang [Lorong Kemunting, Kampung Bukit Haji Salleh, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia] sehinggalah pada tahun *Sembilan belas enam puluh lapan* [1968].

**NI** : **Apakah anugerah dan pencapaian terbaik yang cikgu perolehi semasa bergelar seorang pelajar?**

**MN** : Semasa bergelar seorang pelajar, daripada tingkatan *satu* [1] *sampailah* [sehingga] ke tingkatan *tiga* [3], saya merupakan pelajar cemerlang di bidang sejarah. Kemudian, di tingkatan *empat* [4] dan tingkatan *lima* [5], saya juga adalah merupakan pelajar cemerlang di bidang mata pelajaran sejarah.

**NI** : **Apakah cita-cita sebenar cikgu dari kecil?**

**MN** : Cita-cita sebenar saya dari kecil lagi ialah untuk menjadi sebagai seorang (bunyi ayam berkokok) askar ataupun perwira negara tapi oleh kerana saya merupakan anak kesayangan ayah dan ibu saya, mereka tidak membenarkan saya untuk menyertai sebarang jawatan yang beruniform.

**NI** : **(bunyi kipas angin) Selain dari bahasa melayu, bahasa apa lagi cikgu boleh bertutur sekarang?**

**MN** : Saya *jugak* [juga] boleh bercakap (bunyi ayam berkokok) bahasa inggeris kemudian sedikit-sedikit *bahasa thai lah* [bahasa Thailand]

**NI** : Apakah faktor yang mendorong cikgu menceburi (bunyi kipas angin) bidang pengumpulan keris *ni* [ini]?

**MN** : Saya sebetulnya meminati bidang pengumpulan keris (bunyi ayam berkokok) *ni* [ini] bermula daripada tahun *seribu sembilan ratus lima puluh lima* [1955] lagi semasa saya di darjah *tiga* [3]. Ini kerana kedua-dua orang tua saya, nenek saya, dan keluarga-keluarga saya adalah berasal daripada Patani [Thailand]. Mereka ini mewarisi banyak keris-keris daripada Negeri Patani, kemudian bermula daripada situlah saya berminat untuk mengumpul keris-keris tersebut sehingga ke sekarang.

**Tamat Bahagian A**

## Bahagian B : Pengalaman sebagai seorang Guru

**NI** : (bunyi ayam dan kipas angin) Boleh kami tahu tahun bila cikgu mula mengajar?

**MN** : Saya mula mengajar pada *tiga hari bulan satu seribu sembilan ratus enam puluh sembilan* [3 Januari 1969]. *Skolah* [sekolah] pertama saya ialah *Skolah* [Sekolah] Kebangsaan LKTP Jerangau Hulu Terengganu, Terengganu.

**NI** : Apakah subjek yang cikgu mengajar semasa di sekolah? (bunyi ayam berkokok)

**MN** : Saya mengajar di *skolah* [sekolah] semua mata pelajaran kecuali bahasa inggeris dan agama islam.

**NI** : (bunyi kipas angin) Apakah pangkat yang pernah cikgu pegang semasa berkhidmat sebagai guru di sekolah?

**MN** : Bilamana saya balik ke Kelantan (bunyi ayam berkokok) pada *tahun tujuh puluh sembilan* [1979], saya telah ditukarkan ke Sekolah Menengah Bunut Susu [Pasir Mas] sebagai penyelia petang dan juga sebagai kaunselor sekolah.

**NI** : **Ok. Tahun bila cikgu bertukar ke PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) ?(bunyi kipas angin)**

**MN** : Saya ditukarkan ke PPD pada tahun *seribu sembilan ratus lapan puluh lima* [1985] iaitu PPD saya yang pertama ialah Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah, Machang Jeli, sebagai penyelia sekolah menengah

**NI** : **Ok. Tahun bila cikgu mula bersara?**

**MN** : Saya bersara di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas, Tumpat pada tahun *dua ribu satu* [2001].

**NI** : **Apakah pencapaian cikgu selama menjadi guru?**

**MN** : Soal pencapaian saya sebagai seorang guru, saya telah mendapat *tiga* [3] anugerah kecemerlangan semasa di Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas, Tumpat.



**NI : Apakah kenangan paling manis dan juga kenangan pahit (bunyi ayam berkokok) yang cikgu tidak dapat lupakan semasa bergelar seorang guru?(bunyi kipas angin)**

**MN :** Kenangan yang paling manis ialah saya sebagai seorang guru, bila mana semua anak-anak murid saya membuat *satu* [1] perjumpaan dan mereka berkumpul untuk mengucapkan terima kasih kepada saya (bunyi ayam berkokok) hasil daripada saya mendidik mereka itu lebih-lebih lagi saya sebagai seorang pendidik terkenal sebagai seorang yang paling bengis dalam mendidik. Jadi hasil daripada saya terlampau bengis (bunyi ayam berkokok), sehinggakan saya digelarakan di Terengganu digelarakan sebagai gelaran saya cikgu muse [musang] ertinya cikgu yang paling bengis di *skolah* [sekolah] *tu* [itu] (sambil ketawa). Manakala, di *skolah* [sekolah] kampung saya di *Skolah* [Sekolah] Kebangsaan Becah Durian di Bunut Susu [Pasir Mas], kenangan manis saya ialah saya *telah disembahyang hajatkan* [telah disembahyang hajat] oleh orang kampung (bunyi ayam berkokok) supaya saya *ni* [ini] cepat *mati* [meninggal] kerana saya seorang manusia yang paling bengis berdepan dengan anak-anak murid.

**NI : (bunyi kipas angin) Apakah prinsip selama ini dijadikan pegangan hidup dan dijadikan motivasi dalam hidup cikgu?**

**CN :** (sambil berdehem) Saya berprinsip, saya mengajar saya *tak* [tidak] mahu melihat orang melayu tercicir pertama. Yang *kedua* [ke-2], saya mengajar

adalah kerana suatu perjuangan untuk melihat supaya anak didik saya beroleh kejayaan.

**NI** : **Apakah pekerjaan cikgu selepas bersara?(bunyi ayam kerkokok)**

**MN** : Selepas bersara, pekerjaan saya yang pertama sebagai Koordinator di bidang pendidikan antara Malaysia dan Thailand. Kemudian yang *kedua* [ke-2] sebagai Penceramah di dalam bidang ilmu pengkerisan. Yang *ketiga* [ke-3], sebagai seorang pemberi *apa ni* [apa ini] ceramah-ceramah motivasi kepada pelajar-pelajar dan guru-guru di Selatan Thailand. (bunyi burung)

**Tamat Bahagian B**

### **Bahagian C : Pengalaman sebagai kolektor keris**

**NI : Ok.Pada umur berapa cikgu mula berminat mengumpul keris? (bunyi kipas angin)**

**MN : Saya berminat mengumpul keris ialah pada umur *lapan* [8] tahun.**

**NI : (bunyi buku diselak) Bagaiman timbul minat cikgu dalam bidang pengumpulan keris ini?(bunyi ayam berkokok)**

**MN : Minat saya timbul dalam bidang pengumpulan keris ini ialah kerana saya sendiri sentiasa melihat koleksi-koleksi kedua orang tua saya yang mewarisi turun temurun tentang keris-keris dan senjata-senjata melayu.**

**NI : (bunyi kipas angin) Siapa yang memberi dorongan kepada cikgu dalam mengumpul keris?**

**MN : Yang memberi dorongan saya dalam bidang mengumpul keris ialah *tak* [tidak] lain dan *tak* [tidak] bukan ialah ayah saya sendiri iaitu Awang Kechik bin Ibrahim.**

**NI : (bunyi kipas angin) Apakah penerimaan isteri dan anak-anak terhadap minat cikgu dalam bidang *ni* [ini]?**

**MN :** Seluruh *dua belas* [12] orang anak saya termasuk isteri saya, semuanya mereka ini meminati dalam bidang pengkerisan dan mereka ini semua telah membantu saya dalam semua aspek sama ada dalam menyuci keris, menyimpan keris dan sebagainya.

**NI : Adakah anak-anak cikgu juga menyimpan koleksi-koleksi keris *ni* [ini]?**

**MN :** (bunyi kipas angin) Buat setakat ini, keempat-empat anak saya iaitu Mejar Noor Azlan, Noor Azman, Noor Azran dan Noor Azlin, semuanya ada mempunyai koleksi-koleksi keris tersendiri

**NI : (bunyi angin kipas) Berapa banyak koleksi keris yang cikgu ada sekarang?**

**MN :** Setakat sekarang saya mempunyai koleksi keris dan pelbagai senjata melayu sejumlah *seribu lima ratus dua puluh lima* [1525] bilah.

**NI : (bunyi kipas angin) Apakah jenis-jenis koleksi keris yang cikgu ada?**

**MN :** Saya mempunyai koleksi keris umumnya keris-keris melayu daripada Patani, kemudian keris kelantan, keris terengganu, keris sumatera dan keris bugis

(bunyi ayam berkokok).

**NI** : **Boleh cikgu ceritakan dengan lebih lanjut mengenai setiap jenis keris tersebut?**

**MN** : Semua keris-keris yang saya punyai *ni* [ini] adalah pertama sebagai pusaka turun temurun, kemudian *kedua* [ke-2] sebagai koleksi yang saya minat, kemudian yang *ketiga* [ke-3] ialah sebagai suatu senjata untuk melindungi diri saya.

**NI** : **Apakah keistimewaan keris-keris tersebut?**

**MN** : Dari segi keistimewaan tersebut, saya tidak mempunyai sebarang tanggapan yang lain daripada yang lain. Saya hanya mempunyai keistimewaan kepada keris-keris tersebut berdasarkan kepada, *satu* [1] keelokan matanya ertinya keanehan-anehan pada mata. Yang *kedua* [ke-2], keelokan pada hulunya. Yang *ketiga* [ke-3] keunikan pada sarungnya, kemudian *keempat* [ke-4] pada pendokoknya. Secara umumnya (bunyi ayam berkokok) keris-keris saya *ni* [ini] adalah terlibat dalam sama ada dalam milik-milik peribadi orang-orang tertentu, ataupun ada juga yang ada kaitan sejarah tentang keris-keris tersebut.

**NI** : Adakah setiap corak yang terdapat pada keris-keris tersebut membawa makna?

**MN** : Kalau mengikut prinsip *perkerisan* [pengkerisan], segala corak rupa bentuk yang ada pada keris itu padat dengan makna-maknanya yang tersendiri.

**NI** : (gangguan) Bolehkah cikgu beritahu beberapa contoh nama-nama keris?

**MN** : (bunyi buku dan kipas angin) Contoh nama-nama keris *ni* [ini] berdasarkan kepada hirarki *negeri lah* [negeri tersebut] (bunyi ayam berkokok). Pertamanya daripada terengganu, *satu* [1] *diantaranya lah* [di antaranya ialah] nombor *satu* [1], keris lempeng. Nombor *dua* [2], keris gelugur. Nombor *tiga* [3], keris unduk-unduk (bunyi ayam berkokok). Nombor *empat* [4], keris bugis terengganu. Nombor *lima* [5], (bunyi telefon) keris panjang. Nombor *enam* [6], badit. Nombor *tujuh* [7], pisau rembau dan lain-lain. Manakala daripada negeri kelantan pula, (bunyi ayam berkokok) *Satu* [1], keris picit. Yang *kedua* [ke-2], keris tok cu. Yang *ketiga* [ke-3], keris panjang. Yang *keempat* [ke-4], badit kelantan. Yang *kelima* [ke-5], pisau jam dan lain-lain. Manakala daripada Negeri Patani [Thailand], pertama keris picit. Yang *kedua* [ke-2], keris panda saras. Yang *ketiga* [ke-3], keris panda mamat. Yang *keempat* [ke-4], keris panjang (bunyi ayam berkokok). Yang *kelima* [ke-5], keris debek. Yang *keenam* [ke-6], kapak binja manis. Yang *ketujuh* [ke-7], pisau jam. Yang *kelapan* [ke-8], keris panjang. Yang *kesembilan* [ke-9], keris tanjung dan lain-lain.

**NI : Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat keris?**

**MN :** Biasanya keris ini semuanya dibuat daripada besi, kemudian di campur dengan ada dicampur dengan emas, ada dicampur dengan suasa, ada dicampur dengan perak. Ini akan (bunyi ayam berkokok) melahirkan \_

**NI : (bunyi kipas angin) Apakah keris pertama yang cikgu beli?**

**MN :** Saya akan terus kepada keris pertama yang saya beli iaitu pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh sembilan* [1969], saya telah membeli sebilah keris sundang dengan harga *ringgit malaysia enam ratus sembilan puluh* [RM690], dan pada ketika itu gaji saya *henyalah* [hanyalah] *ringgit Malaysia dua ratus tiga puluh lima ringgit* [RM235] sahaja sebulan. Jadi untuk mencukup genapkan *enam ratus sembilan puluh ringgit* [RM690], dengan *dua ratus tiga puluh lima* [RM235], saya terpaksa mengadakan pengumpulan wang beberapa bulan kemudian.

**NI : (bunyi kipas angin) Apakah kenangan manis cikgu sepanjang mengumpul keris?**

**MN :** Kenangan manis saya sepanjang mengumpul keris (bunyi ayam berkokok) terutamanya ialah bila saya telah di hadiahkan oleh seorang orang tua di Patani

[Thailand] lebih kurang *dua puluh lima* [25] tahun yang lalu iaitu sebilah keris yang dimiliki oleh Raja Long Nuh, seorang Raja Jambu di (bunyi ayam berkokok) Patani [Thailand] kerana keris itu merupakan keris *pesaka* [pusaka] turun temurun daripada kerajaan Patani pada ketika itu. Ini merupakan suatu hadiah yang cukup berharga kepada saya.

**NI : Adakah cikgu pernah menjual keris-keris tersebut? (bunyi ayam berkokok)**

**MN :** Saya sebagai seorang kolektor tegar, biasanya bila kita menjual sebilah keris, kita akan ada suatu rasa *menyesa* [menyesal] selepas daripada itu. Walaubagaimanapun saya juga telah menjual keris-keris saya kepada beberapa orang kenamaan di Malaysia ini.

**NI : Cuba cikgu terangkan pengalaman cikgu sebagai seorang kolektor serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengannya?(bunyi ayam berkokok)**

**MN :** Sejarah saya panjang tentang aktiviti saya dan minat saya sebagai seorang kolektor tegar dalam bidang *perkerisan* [pengkerisan] dan senjata-senjata Melayu. Minat saya bermula mengumpul senjata *ni* [ini] ialah pada tahun *seribu sembilan ratus lima puluh lima* [1955] (bunyi ayam berkokok) ketika itu saya berumur *lapan* [8] tahun semasa di darjah *tiga* [3] di *skolah* [sekolah] umum yang sekarang bernama *Skolah* [Sekolah] Kebangsaan Bunut Susu. Kemudian



untuk pengetahuan juga, dalam bidang *perkerisan* [pengkerisan] *ni* [ini], saya sendiri (bunyi ayam berkokok) telah membeli sebilah keris sundang pertama saya pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh sembilan* [1969], yang seperti mana yang saya sebutkan tadi dengan *harga enam ratus sembilan puluh ringgit* [RM690] (bunyi ayam berkokok) walhal gaji ketika itu hanyalah *dua ratus tiga puluh lima ringgit* [RM235] sahaja. Dan pada tahun *seribu Sembilan ratus enam puluh sembilan* [1969] juga, semasa saya menjawat jawatan sebagai seorang guru, saya telah menyertai suatu program Menjejaki Laluan Dato Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah di kampung Pasir Raja Hulu Tembeling Terengganu (bunyi ayam berkokok) dengan menyertai Persatuan Sejarah Negeri Terengganu. Kemudian, di bidang-bidang lain, saya juga terlibat dalam memberi ceramah-ceramah kepada peminat-peminat dan pelajar-pelajar (bunyi burung) dengan harapan mereka ini akan mendapat suatu pendedahan yang paling tepat tentang ilmu pengkerisan. Setakat ini saya mempunyai koleksi keris dan senjata-senjata lain berjumlah *seribu lima ratus dua puluh lima* [1525] bilah (bunyi burung). Dan saya juga telah membuat beberapa pameran di peringkat negeri dan negara juga luar negara. Pada satu contoh (bunyi ayam berkokok), saya pernah membuat pameran di Perlis, di Wilayah Persekutuan, di Selangor, di Melaka, di Negeri Kelantan dan Pahang. Saya juga telah membuat pameran di suatu aktiviti pendidikan dan pameran dan pendidikan di negeri Yala di selatan Thailand. Kemudian dalam aktiviti lain, saya telah menyertai pertandingan keris cantik sama ada di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri iaitu di Kuala Lumpur, Shah Alam, di Kelantan, Terengganu dan telah

memenangi banyak dalam pelbagai kategori keris yang dipertandingkan. Untuk pengetahuan juga, pada tahun *dua ribu satu* [2001], saya telah menyertai kajian buruh paksa jepun dan jambatan maut “river kwai” di Kangchanburi Thailand bersama dengan Muzium Negeri Kelantan. Untuk pengetahuan juga pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010], saya telah menghadiri seminar (bunyi burung) bunga emas di Muzium Kedah. Dan pada tahun *dua ribu sebelas* [2011], saya juga telah menghadiri seminar sejarah di peringkat kebangsaan di Kuala Terengganu. Selain daripada itu, penglibatan saya ialah sebagai ahli seumur hidup Persatuan Seni Purba Negeri Kelantan dan sebelum daripada itu juga saya merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Seni Purba Negeri Kelantan kemudian saya juga menjadi Ahli Persatuan Sejarah Malaysia dan sekarang saya menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengurus Kelab Warisan Kelantan. Kemudian saya juga telah banyak membentangkan kertas-kertas kerja di samping mencetuskan idea Kecek-Kecek Keris yang mana program ini telah pun dikenali di seluruh negara termasuklah Indonesia, Singapura dan Thailand. Saya juga adalah sebagai Pengurus Pertukangan Besi Negeri Kelantan dan saya telah diberi tugas untuk membentangkan beberapa kertas kerja mengenai nombor *satu* [1], pengalaman sebagai seorang kolektor keris. Saya telah membuat pendedahan ini di kepada Persatuan Seni (bunyi telefon) Purba Negeri Pahang, kepada Persatuan Seni Purba Negeri Selangor, dan pendedahan saya yang *kedua* [ke-2], ialah hulu pekaka dalam pengkerisan melayu kelantan. Saya telah membuat pendedahan ini di Muzium Negeri Kelantan. Kemudian yang *ketiganya* [ke-3], ialah menjejaki pengkerisan

melayu Patani kepada Persatuan Seni Purba Kuala Lumpur. Kemudian yang terakhirnya peranan keris tanjung dalam *perkerisan* [pengkerisan] melayu Patani juga kepada Persatuan Seni Purba Selangor.

**NI : Bolek cikgu beritahu bagaimana cara penjagaan keris-keris tersebut?**

**MN :** Biasanya penjagaan keris ini (bunyi burung) pada saya tidaklah begitu susah dan rumit tentang penjagaannya yang ini kalau keris ini kita dapati (bunyi burung) berkarat hendaklah kita cari buah asam limau nipis kemudian kita perahkan ambil airnya, kita campurkan dengan sedikit sabun selepas itu dengan menggunakan berus gigi kita *sapuhkan* [sapukan] pada mata keris itu kemudian perapkan beberapa jam. Selepas daripada itu kita terus cuci dengan menggunakan air bersih kemudian kita lapkan elok-elok. Selepas di lap dan dikeringkan maka kita ambil minyak kelapa atau minyak rambut yang pada ketika ini (bunyi enjin motosikal) dikenali sebagai minyak rambut Madhubala. Yang *ni* [ini] minyak ini akan menyebabkan mata keris itu akan tidak berkarat.

**NI : Adakah ada pantang larang dalam penjagaan keris tersebut?**

**MN :** Tentang pantang larang *ni* [ini] saya merupakan seorang manusia yang boleh dikatakan *cukup kecil* [kurang] mempercayai pantang larang *sebab* [kerana] pada saya keris ini walaupun pada suatu ketika dimiliki oleh orang-orang tertentu dengan mempunyai segala rupa bentuk pantang larang *tapi* [tetapi]

pada saya, saya menjaga keris itu berdasarkan kepada *kahandak-kahandak* [kehendak-kehendak] semasa. Misalnya, kalau keris itu berkarat, saya *sapuhkan* [sapukan] minyak, saya cucikan baik-baik kemudian penyimpanan keris itu saya letakkan dalam tempat-tempat yang tertentu seperti almari dan tempat-tempat yang dianggap selamat dari segi kawalan.

**NI : Pernahkah cikgu mengalami peristiwa ganjil sepanjang cikgu mengumpul keris?**

**MN :** Oleh kerana saya ini merupakan seorang yang *tidak sangat* [kurang] mempercayai benda-benda begitu, peristiwa ganjil itu sememangnya ada. Pernah satu ketika, bilik tempat saya menyimpan keris itu walaupun dikunci, pada suatu malam lebih kurang jam *dua* [2] pagi saya dapati bilik tempat saya menyimpan keris itu terbuka kemudian lampu di dalamnya terus menyala, jadi saya anggap itu sebagai suatu kejadian yang biasa pada saya.

**NI : Apakah penerimaan orang ramai terhadap hobi cikgu ini?**

**MN :** Pada peringkat awal mereka ini mengandaikan saya merupakan sebagai seorang kolektor besi buruk. Tidak ditertawakan *tapi* [tetapi] biasanya *bila* [apabila] kita mencari keris orang akan melabelkan kita ini salah satu daripada, salah satu daripada hobi yang pada merekalah seolah-olah hobi-hobi yang tidak mempunyai sebarang tujuan. *Tapi* [tetapi] oleh kerana saya sebagai seorang

yang mewarisi jejak-jejak pengkerisan melayu lama daripada arwah nenek saya, ayah saya dan sebagainya maka *bila* [apabila] dalam keadaan sekarang koleksi-koleksi saya ini dianggap oleh masyarakat sebagai suatu koleksi yang cukup berharga dan mereka ini sentiasa bertanya-tanya dan datang mengunjungi saya dalam membincangkan pelbagai hal tentang hal-hal senjata-senjata melayu lama dan sebagainya.

**NI : Adakah ahli keluarga cikgu (bunyi burung) yang lain pernah mengalami kejadian ganjil?**

**MN :** Biasanya ada *tapi* [tetapi] kami tidak menganggap itu sebagai suatu perkara yang *anehlah* [pelik]. Bila berlaku kami semua kadang-kadang kami anggap itu perkara biasa.

**NI : Pada pendapat cikgu apakah peranan lain selain,peranan lain keris tersebut selain dari peranannya sebagai senjata.(bunyi burung)**

**MN :** Selain daripada keris itu dianggap sebagai identiti (bunyi ayam berkokok) orang melayu *artinya* [ertinya] keris itu melambangkan suatu lambang kemelayuan, keris ini juga merupakan satu senjata yang amat *berherga* [berharga] kepada orang melayu di zaman dahulu dan pada saya keris itu di zaman sekarang dianggap sebagai suatu khazanah purba yang amat tinggi nilainya dan seharusnya kita orang melayu menganggap keris (bunyi ayam berkokok) itu

sebagai warisan kita turun-temurun dan perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

**NI : Adakah cikgu terlibat dengan sebarang persatuan atau kelab?**

**MN :** Saya pada peringkat awalnya terlibat sebagai *AJK* [ahli jawatankuasa] Persatuan Seni Purba Kelantan *tapi* [tetapi] oleh sebab saya berhasrat untuk melibatkan diri dengan pertandingan *perkerisan* [pengkerisan] maka secara tidak langsung saya mengundur diri menjadi ahli jawatankuasa dalam Persatuan Seni Purba Kelantan. Sekarang saya menjawat sebagai Timbalan Kelab Warisan Kelantan.

**NI : Pada umur berapakah cikgu dilantik menjadi Yang Dipertua Kelab Warisan Kelantan (pembetulan daripada Cikgu Noor) Timbalan Kelab Warisan Kelantan?**

**MN :** Kelab Warisan Kelantan ini diwujudkan pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] yang lalu dan pada ketika itu saya berumur - *enam puluh tiga* [63] tahun.

**NI : Bagaimana cikgu boleh terlibat dengan kelab tersebut?**

**MN :** Penubuhan Kelab Warisan Kelantan ini adalah semata-mata pertama untuk mendedahkan kepada semua lapisan masyarakat samada golongan muda

ataupun golongan (bunyi ayam berkokok) pertengahan supaya mereka ini meminati keris dan mengetahui segala *apa ni* [apa ini] nama-nama yang ada pada nama-nama bahagian yang ada (bunyi ayam berkokok) pada keris. Kemudian perkara kedua melalui kelab ini juga kita telah memberi kesedaran kepada golongan-golongan muda dan pertengahan untuk membeli keris yang betul-betul elok dan keris (bunyi ayam berkokok) tu [itu] betul-betul *original* [asli].

**NI : Apakah peranan cikgu dalam kelab tersebut?**

**MN :** Saya berperanan sebagai seorang penceramah, sebagai seorang penasihat, sebagai seorang yang merancang program-program ini *sebab* [kerana] program Kelab Warisan Kelantan ini bukan sahaja terlibat di negeri Kelantan, ianya terlibat di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Singapura dan Selatan Thailand.

**NI : Bagaimanakah cara cikgu mendedahkan tentang kewujudan dan keistimewaan keris kepada orang awam?**

**MN :** Biasanya (bunyi ayam berkokok) kita dijemput untuk memberi ceramah-ceramah melalui persatuan-persatuan seni purba yang terdapat di seluruh negeri di semenanjung dan juga di Selatan Thailand.

- NI** : Adakah cikgu pernah mengadakan pameran keris?
- MN** : Saya pernah mengadakan pameran keris di seluruh Negara termasuk di Kelantan, di Pahang, di Perlis, di Wilayah Persekutuan, di Selangor, dan juga di Selatan Thailand.
- NI** : Dari mana cikgu mendapatkan modal untuk mengadakan pameran tersebut?
- MN** : Biasanya disebabkan kita *ni* [ini] sebagai seorang meminati ilmu *perkerisan* [pengkerisan], segala pameran-pameran yang kita buat itu adalah berdasarkan kepada jemputan-jemputan daripada persatuan-persatuan tersebut dan kebanyakan pameran yang kita buat ini merupakan pameran secara sukarela sahaja.
- NI** : Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap pameran tersebut?
- MN** : Sebagai satu contoh, *bila* [apabila] saya membuat pameran di Melaka, di - - - saya telah diserbu oleh ratusan peminat-peminat keris di Melaka yang menyebabkan saya menganggap suatu apa, suatu kejutan yang tidak boleh saya lupakan.



**NI : Berapa kali pameran keris ini akan diadakan dalam setahun?**

**MN :** Tentang berapa kali pameran akan dibuat saya juga tidak dapat membuat keputusan kerana biasanya jemputan-jemputan itu didatangi oleh persatuan-persatuan dari setiap pelusuk. Pernah suatu ketika, dalam waktu lima hari saya terpaksa membuat pameran di dua tempat iaitu satu di Wilayah Pertsekutuan dan satu lagi di Kota Bharu Kelantan.

**NI : Apakah faktor yang mendorong cikgu mengadakan pameran tersebut?**

**MN :** Faktor yang mendorong saya membuat pameran tersebut (bunyi ayam berkokok) seperti mana yang saya telah ceritakan tadi adalah hasil daripada kesedaran diri saya sendiri sebagai seorang peminat keris. Yang *kedua* [ke-2], untuk memberi pendedahan kepada golongan muda dan golongan pertengahan supaya mereka itu dapat mengenali dan menghayati tentang pengkerisan.

**NI : Bolehkah cikgu ceritakan jenis pengiktirafan yang cikgu dapat sepanjang menceburi dalam bidang pengumpulan keris ini?**

**MN :** Tentang pengiktirafan, (bunyi burung) saya sebagai manusia yang tidak suka kepada pengiktirafan jadi biasanya saya pernah menolak. Sebagai satu contoh, baru-baru ini saya telahpun dipelawa oleh *apa ni* [apa ini] *Universiti Sultan Idris* [UPSI] Tanjung Malim untuk membuat pameran dan kemungkinan mereka ini akan mempelawakan saya untuk membuat pendedahan secara terus-

menerus jadi saya terus menolak dengan alasan saya banyak kerja-kerja tambahan di luar sana.

**NI : Adakah cikgu pernah muncul di mana-mana stesen televisyen?**

**MN :** Saya pernah muncul di TV3 pada bulan *dua* [2] tahun yang *lalu* [lepas] kemudian pernah juga (bunyi ayam berkokok) keluar dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar tempatan.

**NI : Pada pendapat cikgu, adakah cikgu rasa orang ramai akan lebih berpengetahuan selepas tersiaranya program tersebut?**

**MN :** (bunyi ayam berkokok) selepas tersiaranya program tersebut, biasanya saya akan *ditelefonkan* [dihubungi] oleh ramai peminat-peminat bertanya tentang keris-keris bukan saja (bunyi ayam berkokok) di seluruh semenanjung malahan di Selatan Thailand, Singapura, Brunei, yang dapat mengikuti *apa ni* [apa ini] siaran tersebut.

**NI : Pernahkah cikgu ditemuramah oleh pelajar-pelajar berkaitan dengan keris ini? (bunyi ayam berkokok)**

**MN :** Saya pernah ditemuramah oleh pelajar-pelajar iaitu di - *satu* [1], Universiti Malaysia Kelantan, yang *kedua* [ke-2] Universiti sains Pulau Pinang, yang

*ketiga* [ke-3], daripada (bunyi ayam berkokok) seorang pengarang daripada Perancis, yang *keempat* [ke-4], seorang Profesor daripada Jepun, yang *kelima* [ke-5] terakhirnya ialah seorang peminat senjata daripada Korea.

**NI : Apakah cabaran yang cikgu lalui sepanjang menjadi kolektor keris?**

**MN :** Sebagai seorang kolektor keris cabaran yang kita hadapinya ialah pertama, bila mana kita berhajatkan untuk mendapat sebilah keris tersebut, keris tersebut telahpun ditetapkan dengan harga yang begitu tinggi yang kadang-kadang kita tidak mampu untuk membelinya.

**NI : (bunyi kipas angin) Adakah keris ini akan terus disimpan di rumah cikgu atau akan dihadiahkan kepada muzium?**

**MN :** Saya berhasrat begini, oleh kerana saya selalu saja didatangi oleh para pelajar dari seluruh pelusuk negara untuk mereka mendapatkan ilmu *perkerisan* [pengkerisan], saya bercita-cita untuk mengadakan sebuah galeri keris di kawasan rumah saya *tapi* [tetapi] malangnya sehingga di saat ini beberapa agensi tertentu telah pun membuat temuduga kepada saya *tapi* [tetapi] sampai sekarang pun *donation* [derma] *tu* [itu] ataupun *apa ni* [ini] peruntukan-peruntukan yang dijanjikan itu tidak kesampaian.

**NI : (bunyi ayam berkokok) Apakah nasihat cikgu kepada orang ramai yang berpandangan negatif terhadap keris?**

**MN :** Pandangan negatif ini merupakan satu pandangan yang pada saya (bunyi ayam berkokok) tidak begitu baik kerana biasanya orang yang berpandangan negatif tentang *perkerisan* [pengkerisan] *ni* [ini] satu-satunya mereka tidak mempunyai suatu penghayatan tentang keris itu sendiri kerana keris itu sendiri merupakan suatu lambang keperibadian melayu lama dan kita hendaklah menganggap keris itu sebagai warisan pusaka bangsa turun-temurun.

**NI : Apakah harapan cikgu terhadap generasi yang akan datang (bunyi ayam berkokok) terhadap warisan keris ini tidak akan luput ditelan zaman?**

**MN :** Inilah suatu peranan yang dimainkan oleh Kelab Warisan Kelantan, melalui Kelab Warisan Kelantan *ni* [ini] kita mengadakan ceramah-ceramah secara sukarela ke segenap pelusuk negara kalau dijemput dengan harapan golongan muda golongan pertengahan dan golongan yang masih lagi belum berminat tentang *perkerisan* [pengkerisan] diharap supaya mereka ini akan berminat dan mengenali pusaka bangsa mereka sehingga ke akhir hayat.

**NI:** : Sepanjang menjadi kolektor keris, adakah tidak kenangan-kenangan yang *menyeronokan* [manis] untuk mendapatkan keris-keris tersebut?

**MN:** Sebagai seorang kolektor keris, banyak peristiwa-peristiwa yang menyeronokkan yang melucukan dan sebagai suatu kenangan manis untuk mendapat - beberapa bilah keris untuk dijadikan sebagai milik. Pertama, untuk mendapatkan sesebilah keris kadang-kadang kita terpaksa mengadakan suatu penipuan. Sebagai satu contoh, penipuan tersebut misalnya sebagai contoh, kita beli keris tersebut dengan harga *lima ribu* [RM 5000], tapi [tetapi] *bila mana* [apabila] kita pulang ke rumah kita memberitahu isteri kita yang keris itu sebetulnya tidak harga *lima ribu* [RM 5000] samada keris itu akan dihadiahkan ataupun dibeli dengan harga yang paling murah. Ini masuk dalam konsep tipu *bini* [isteri]. Kemudian perkara *kedua* [ke-2] untuk mendapat sebilah keris juga saya terpaksa membayar keris itu dengan harga yang mahal. Sebagai contoh, sebilah keris yang ditawarkan oleh orang lain dengan harga *tujuh ribu* [RM 7000] kerana kita *berkhandakkan* [berkehendakkan] keris itu maka kita terus pergi membayar keris tersebut kepada yang *empunya* [pemilik] keris itu dengan harga *sepuluh ribu* [RM 10000] ataupun *dua belas ribu* [RM 12000]. Ini kita sanggup membeli mahal kerana konsep saya “alah membeli menang memakai”. Kemudian perkara yang *ketiga* [ke-3] *bila* [apabila] keris itu ramai kadang-kadang peminat-peminat yang ingin memilikinya kita terpaksa menggunakan suatu konsep *potong queue* [potong barisan]. Yakni kalau ada orang yang *berkhandakkan* [berkehendakkan] keris itu dengan harga yang termurah kita juga terpaksa menawarkan dengan harga yang mahal, *artinya* [ertinya] orang

yang menunggu harga katakan *tiga ribu* [RM 3000] kita terus bayar harga *enam ribu* [RM 6000]. Ini dianggap sebagai *potong queue* [potong barisan] dan bila kita berjumpa seorang yang memiliki keris, dia tidak *berkahandakkan* [berkehendakkan] untuk melepaskan keris itu kepada kita, maka kita terpaksa menggunakan suatu konsep pujuk rayu. Memujuk yang keris ini kalau yang *empunyanya* [pemiliknya] meninggal dunia mungkin tidak ada orang yang *mempusakainya* [mewarisinya] jadi oleh kerana itu tolonglah keris ini dipindah milik kemudian jika sekiranya dia orang *ni* [ini] tidak bagi, kita pergi lagi sehinggalah beberapa kali, akhirnya keris tersebut bertukar tangan. Ada juga kita *bila* [apabila] hendak memiliki sebilah keris kena *sumpah* [caci], sebagai satu contoh saya *berkahandakkan* [berkehendakkan] sebilah keris dengan seorang pemilik keris di Bandar Kuching, Sarawak *bila* [apabila] saya pergi untuk menawarkan keris itu, pemilik antik terus mencerca saya, dia kata tak [tidak] *usah* [perlu] awak membeli keris kerana awak tidak mempunyai wang dan akhirnya bila kita pergi *pulak* [pula] kali *kedua* [ke-2] ke Sarawak berjumpa penjual keris tersebut, dia terus tidak memberi sebarang layanan kepada kita malahan dia telah menyumpah, memaki seranah kepada kita. Ini *jugak* [juga] merupakan suatu pengalaman yang manis. Kemudian pernah *jugak* [juga] suatu ketika oleh kerana kita *bekahandakkan* [berkehendakkan] Sangat keris tersebut, kita terpaksa berhutang. Saya pernah membuat pinjaman dengan Bank Rakyat Machang pada suatu ketika untuk membeli dua bilah keris dengan dengan harga *sepuluh ribu* [RM 10000]. Jadi bila saya bercakap kepada pengarah Bank Rakyat pada ketika itu, wang mahu segera kerana ingin membeli keris.

Pengarah Bank Rakyat itu terus *sukakan* [ketawakan] saya, bukan *perli* [menyindir], *sukakan* [ketawakan] saya terbahak-bahak kerana katanya ini merupakan suatu perkara yang paling *aneh* [pelik]. Jadi, inilah beberapa perkara yang berlaku sebagai kenangan manis, kenangan yang melucukan dan suatu cara untuk mendapatkan sesebilah keris tersebut. (bunyi buku diselak) Untuk pengetahuan hadirin sekalian, saya betul-betul menghayati kata-kata seorang pengarang barat iaitu Tom Pyrus, dia telah mengatakan bahawa orang melayu sanggup berkeris walaupun tanpa baju. Yang kedua [ke-2], arwah Cikgu Ghani yang saya labelkan dia sebagai pandai keris [arif tentang keris] dia telah mencetuskan *satu* [1] konsep mengatakan bahawa setiap peminat keris di Malaysia ini kalau sekiranya dia tidak meninggal dunia pasti sekurang-kurangnya sebilah keris *bikinannya* [buatannya] akan disimpan oleh para peminat. Dan kesimpulan itu saya (bunyi ayam berkokok) membuat suatu penegasan pada diri saya bahawa kalau *tak* [tidak] kenal keris *bearti* [bererti] bukan orang melayu namanya (bunyi ayam berkokok). Jadi pada saya kesimpulannya kalau kita hendak membeli keris, kita kenalah pegang kepada satu konsep “alah membeli, menang memakai”. Konsep ini kalau kita hendak memiliki sebilah keris yang cantik, maka kita terpaksa menggunakan kewangan yang banyak barulah kita dapat memiliki keris tersebut. Jadi dengan lain-lain perkataan untuk memiliki sebilah keris, boleh diibaratkan seperti kita hendak meminang seorang gadis sunti untuk dijadikan pasangan hidup kerana dengan memiliki keris tersebut kita sebagai seorang kolektor keris akan merasa satu kepuasan yang tidak boleh dibayangkan oleh saya sendiri. Untuk pengetahuan

juga sekarang keris-keris baru yang telah *dituakan* [dilamakan] sekarang telah mencecah harga ribuan ringgit, jadi pada saya mungkin keris itu akan menjadi keris antik juga bila usianya akan mencecah seratus tahun akan datang. Jadi harga sebilah keris tidak akan merosot dari semasa ke semasa berbanding dengan begitu ramainya sekarang peminat-peminat keris yang telah *apa ni* [apa ini] yang telah meminati untuk mengumpul keris-keris tersebut.

**NI** : Jadi setakat ini sahaja sesi temubual kita. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Mohd Noor Bin Awang Kechik kerana sudi memberi kerjasama dan meluangkan masa untuk ditemubual sebagai tokoh untuk sejarah lisan.

**Tamat Bahagian C**



## SENARAI SOALAN

### **Bahagian A**

1. Boleh cikgu beritahu nama penuh cikgu?
2. Dimana cikgu dilahirkan?
3. Boleh cikgu beritahu nama ayah cikgu?
4. Nama ibu cikgu?
5. Apa pekerjaan ayah cikgu?
6. Pekerjaan ibu cikgu?
7. Bolehkah kami tahu adakah mereka masih ada sekarang?
8. Cikgu ada berapa orang adik beradik?
9. Siapa nama isteri cikgu?
10. Umur isteri cikgu sekarang?
11. Bila cikgu berkenalan dengan isteri cikgu?
12. Bilakah cikgu mendirikan rumah tangga?
13. Cikgu ada berapa orang anak?
14. Boleh cikgu ceritakan tentang anak-anak cikgu?
15. Berapa orang anak cikgu yang telah berkahwin?
16. Jadi kebiasaannya, bila keluarga cikgu akan berkumpul bersama-sama?
17. Cikgu ada berapa orang cucu?
18. Berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
19. Bolehkah cikgu ceritakan zaman kanak-kanak cikgu?
20. Siapakah yang menjadi idola cikgu dari kecil sampai sekarang?
21. Dimana sekolah pertama cikgu?
22. Adakah cikgu bergiat aktif semasa sekolah?
23. Dimanakah cikgu sambung belajar selepas tamat sekolah menengah?
24. Apakah anugerah dan pencapaian terbaik yang cikgu perolehi semasa bergelar seorang pelajar?
25. Apa cita-cita sebenar cikgu dari kecil?
26. Selain bahasa melayu, bahasa apa lagi cikgu boleh bertutur sekarang?

27. Apakah faktor yang mendorong cikgu untuk mengambil bidang tersebut?

### **Bahagian B**

1. Boleh kami tahu bila cikgu mula mengajar?
2. Apakah subjek yang cikgu mengajar semasa di sekolah?
3. Apakah pangkat yang pernah cikgu pegang semasa berkhidmat sebagai guru di sekolah?
4. Tahun bila cikgu bertukar ke PPD?
5. Tahun bila cikgu mula bersara?
6. Apakah pencapaian cikgu selama menjadi guru?
7. Apakah kenangan yang paling manis dan juga kenangan pahit yang cikgu tidak dapat lupakan semasa bergelar seorang guru?
8. Apakah prinsip selama ini dijadikan pegangan hidup dan dijadikan motivasi dalam dalam hidup cikgu?
9. Apakah pekerjaan cikgu selepas bersara?

### **Bahagian C**

1. Pada umur berapa cikgu mula berminat mengumpul keris?
2. Bagaimana timbul minat cikgu dalam bidang pengumpulan keris ini?
3. Siapa yang memberi dorongan kepada cikgu dalam mengumpul keris ini?
4. Apakah penerimaan isteri dan anak-anak cikgu terhadap minat cikgu dalam bidang ini?
5. Adakah anak-anak cikgu juga menyimpan koleksi-koleksi keris ini?
6. Berapa banyak koleksi keris yang cikgu ada sekarang?
7. Boleh cikgu ceritakan dengan lebih lanjut mengenai setiap jenis keris tersebut?
8. Apakah keistimewaan keris-keris tersebut?
9. Adakah setiap corak yang terdapat pada keris tersebut membawa makna?
10. Bolehkah cikgu beritahu beberapa contoh nama-nama keris?

11. Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat keris?
12. Apakah keris pertama yang cikgu beli?
13. Apakah kenangan manis cikgu sepanjang mengumpul keris?
14. Adakah cikgu pernah menjual keris-keris tersebut?
15. Cuba cikgu terangkan pengalaman cikgu sebagai seorang kolektor serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengannya?
16. Boleh cikgu ceritakan dari mana sumber mendapatkan keris tersebut?
17. Keris yang manakah paling berharga bagi cikgu?
18. Boleh cikgu beritahu bagaimana cara penjagaan keris tersebut?
19. Adakah ada pantang larang dalam penjagaan keris tersebut?
20. Pernahkah cikgu mengalami peristiwa ganjil epanjang cikgu mengumpul keris?
21. Apakah penerimaan orang ramai terhadap hobi cikgu ini?
22. Adakah ahli keluarga cikgu yang lain pernah mengalami kejadian ganjil?
23. Pada pendapat cikgu, apakah peranan lain keris selain dapada peranannya sebagai senjata?
24. Adakah cikgu terlibat dengan sebarang persatuan atau kelab?
25. Pada umur berapakah cikgu dilantik menjadi Timbalan Kelab Warisan Kelantan?
26. Bagaimana cikgu boleh terlibat dengan kelab tersebut?
27. Apakah peranan cikgu dalam kelab tersebut?
28. Bagaimana cikgu mendedahkan tentang kewujudan dan keistimewaan keris kepada orang awam?
29. Adakah cikgu pernah mengadakan pameran keris?
30. Dari manakah cikgu mendapatkan modal untuk mengadakan pameran tersebut?
31. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap pameran tersebut?
32. Berapa kali pameran akan diadakan dalam setahun?
33. Apakah faktor yang mendorong cikgu mengadakan pameran tersebut?
34. Boleh cikgu ceritakan jenis pengiktirafan yang cikgu dapat sepanjang menceburi dalam bidang pengumpulan keris ini?
35. Adakah cikgu pernah muncul di mana-mana stesen televisyen?
36. Pada pendapat cikgu, adakah orang ramai akan lebih berpengetahuan selepas tersiarinya program tersebut?

37. Adakah cikgu pernah ditemuramah oleh pelajar lain berkaitan dengan keris?
38. Apakah cabaran yang cikgu lalui sepanjang menjadi kolektor keris?
39. Adakah keris-keris ini akan terus disimpan dirumah cikgu ataupun akan dihadiahkan kepada muzium?
40. Apakah nasihat cikgu kepada orang ramai yang berpandangan negatif terhadap keris?
41. Apakah harapan cikgu terhadap generasi yang akan datang supaya warisan keris ini tidak akan luput ditelan zaman?
42. Sepanjang menjadi kolektor keris, adakah tidak kenangan-kenangan yang menyeronokkan untuk mendapatkan keris tersebut?

## LOG WAWANCARA

### BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01:07	Latar belakang tokoh	Kampung Bunut Susu, Pasir Mas
02:51	Kehidupan berumah tangga dan keluarga	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Kampung Ketereh Kota Bharu</li><li>2) Sekolah Kebangsaan Bechah Durian, Pasir Mas</li><li>3) Tentera Udara Diraja Malaysia.</li><li>4) Teknologi pendidikan Negeri Kelantan, Pengkalan Chepa</li><li>5) Sekolah Rendah Kebangsaan Tumpat</li><li>6) Hospital Banting Selangor</li><li>7) Politeknik Kota Bharu</li><li>8) Universiti Sains Pulau Pinang</li><li>9) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah</li><li>10) Yayasan Melaka</li><li>11) Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai</li><li>12) Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Bemban</li><li>13) Kebangsaan Bunut Susu</li></ol>
07:17	Kehidupan zaman kanak-kanak dan idola tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Selatan Thailand</li><li>2) Kampung Bunut Susu</li></ol>

09:00	Latar belakang pendidikan Dan pencapaian terbaik tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sekolah Kebangsaan Bunut Susu, Pasir Mas</li> <li>2) Sekolah Sultan Ibrahim Pasir Mas</li> <li>3) Sekolah Menengah Alam Syah, Putrajaya</li> <li>4) Maktab Perguruan Pasir Panjang, Terengganu</li> </ol>
11:56	Faktor-faktor tokoh menceburi bidang pengumpulan keris	Negeri Patani Thailand

## BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
12:47	Latar belakang pekerjaan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sekolah Kebangsaan LKTP Jerangau Hulu Terengganu.</li> <li>2) Sekolah Menengah Bunut Susu, Pasir Mas</li> <li>3) Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah, Machang Jeli</li> <li>4) Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas</li> </ol>
14:38	Pencapaian dan kenangan manis sebagai seorang pendidik	Sekolah Kebangsaan Becah Durian, Pasir Mas
16:14	Latar belakang pekerjaan tokoh selepas bersara	1) Koordinator di bidang pendidikan antara Malaysia dan Thailand

		<p>2) Penceramah dalam bidang ilmu pengkerisan</p> <p>3) Penceramah motivasi di Selatan Thailand</p>
--	--	--

### BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
16:44	Minat dan dorongan tokoh dalam bidang pengumpulan keris	Awang Kechik bin Ibrahim
18:34	Koleksi-koleksi keris yang tokoh simpan dan keistimewaan pada keris	<p>1) Patani</p> <p>2) Kelantan</p> <p>3) Terengganu</p> <p>4) Sumatera</p> <p>5) bugis</p>
20:41	Corak dan contoh nama-nama keris	
23:48	Keris pertama yang dibeli oleh tokoh	Keris Sundang
24:48	Kenangan manis tokoh sepanjang mengumpul keris	<p>1) Dihadiahi keris Raja Long Nuh, seorang Raja Jambu</p> <p>2) Patani, Thailand</p>
26:13	Pengalaman tokoh sebagai seorang kolektor serta aktiviti lain	<p>9) Program Menjejaki Laluan Dato Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah di Kampung Pasir Raja Hulu Tembeling Terengganu</p> <p>10) Pameran di Perlis, Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang</p>

		<p>11) Pemeran di Yala, Thailand</p> <p>12) Pertandingan Keris Cantik di Kuala Lumpur, Shah Alam. Kelantan, Terengganu</p> <p>13) Kajian buruh paksa "river kwai" di Kangchanburi Thailand</p> <p>14) Seminar bunga emas di Muzium Kedah</p> <p>15) Seminar Sejarah peringkat kebangsaan di Kuala Terengganu</p> <p>16) Ahli seumur hidup Persatuan Seni Purba Negeri Kelantan</p> <p>17) Ahli Jawatankuasa Seni Purba Negeri Kelantan</p> <p>18) Ahli Persatuan Sejarah Malaysia</p> <p>19) Timbalan Pengurus Kelab Warisan Kelantan</p> <p>20) Pengurus Pertukangan Besi Negeri Kelantan</p> <p>21) Membentangkan kertas kerja kepada Persatuan Purba Negeri Pahang, Persatuan Seni Purba Negeri Selangor, Muzium Negeri Kelantan, Persatuan Seni Purba Kuala Lumpur</p>
32.22	Sumber mendapatkan keris	<p>1) Negeri Terengganu</p> <p>2) Negeri Kelantan</p> <p>3) Negeri Patani</p> <p>4) Bugis</p> <p>5) Sumatera, Aceh.</p>



33.08	Keris paling berharga bagi tokoh	1) Nakhoda
33.50	Cara Penjagaan keris dan Pantang larang dalam penjagaan keris	
35.56	Kejadian ganjil dan penerimaan orang ramai terhadap hobi tokoh	
38.55	Penglibatan tokoh dalam persatuan/kelab dan peranan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) AJK Persatuan Seni Purba Kelantan</li> <li>2) AJK Persatuan Seni Purba Kelantan</li> <li>3) Timbalan Kelab Warisan Kelantan</li> </ol>
49.99	Cara pendedahan keris kepada orang ramai	1) Persatuan Seni Purba
42.13	Pameran keris	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kelantan</li> <li>2) Pahang</li> <li>3) Perlis</li> <li>4) Wilayah Persekutuan</li> <li>5) Selangor</li> <li>6) Selatan Thailand</li> </ol>

44.40	Pengiktirafan tokoh dan kemunculan tokoh di stesen televisyen	1) TV3
46.34	Pihak yang pernah menemuramah tokoh	1) UMK (Universiti Malaysia Kelantan) 2) USM(Universiti Sains Malaysia) 3) Pengarang dari Perancis 4) Professor dari Jepun
47.16	Cabaran sepanjang menjadi kolektor keris dan senjata melayu.	
48.38	Nasihat tokoh kepada golongan yang berpandangan negatif terhadap keris dan harapan tokoh terhadap generasi akan datang	
50.10	Kenangan manis tokoh	

## **INDEKS**

### **A**

Ahli Jawatankuasa Seni Purba Negeri, 9, 12, 35, 61  
anugerah kecemerlangan, 26

### **C**

**cikgu**, 12, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26,  
27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 40, 41, 42,  
43, 44, 45, 46, 47, 54, 55, 56, 57

### **G**

guru, 16, 18, 25, 26, 27, 28, 35, 55

### **H**

Hospital Banting, 18, 58

### **K**

kajian buruh paksa jepun, 35  
kampung, 20, 27, 35  
kampung Bunut Susu, 20  
Kampung Keterah, 16, 58  
kapak binja manis, 32  
Kecek-Kecek Keris, 35  
Kelantan, 6, 9, 12, 14, 15, 16, 18, 25, 35, 41, 42, 43, 45,  
47, 56, 58, 60, 61, 62, 63  
keris, 12, 14, 24, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 39,  
40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 56, 57, 59, 60, 61, 62,  
63, 64, 65, 66  
keris bugis, 30, 32  
keris gelugur, 32  
keris lempeng, 32  
keris panda mamat, 32  
keris panda saras, 32  
keris panjang, 32  
keris picit, 32  
keris sumatera, 30  
keris sundang, 33  
keris tanjung, 32, 35  
keris terengganu, 30  
keris tok cu, 32  
keris unduk-unduk, 32  
kolektor keris, 12, 35, 47  
konsep, 47  
Koordinato, 28

### **M**

Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai, 18, 58  
mendidik, 27  
Menjejaki Laluan Dato Bahaman. Mat Kilau dan Tok  
Gajah, 9, 35, 61

### **P**

pameran, 35, 42, 43, 44, 57  
**pantang larang**, 38, 56  
Pasir Mas, 6, 8, 9, 12, 15, 16, 18, 20, 21, 25, 26, 27, 58,  
59, 60  
Pejabat Pendidikan Daerah Tanah, 9, 26, 60  
pelajar, 14, 18, 21, 23, 28, 35, 45, 46, 55, 57  
peminat, 35, 43, 44, 45, 47  
penceramah, 9, 42  
pengkerisan, 6, 9, 28, 30, 32, 35, 39, 41, 43, 44, 46, 47,  
60  
penyelia petang, 25  
peristiwa, 38, 39, 47, 56  
Persatuan, 9, 12, 35, 41, 61, 62, 63  
Persatuan Sejarah Negeri Terengganu, 35  
Persatuan Seni Purba Negeri, 9, 35, 61  
Petani Thailand, 16  
pisau jam, 32  
pisau rembau, 32  
Politeknik Shah Alam, 18  
pusaka, 31, 34, 47

### **R**

Raja Long Nuh, 34, 61

### **S**

sejarah, 4, 23, 31, 35, 51  
sekolah, 9, 21, 22, 25, 26, 27, 35, 55  
Sekolah, 8, 9, 12, 16, 18, 21, 22, 25, 27, 35, 58, 59, 60  
Sekolah Kebangsaan Bunut Susu, 8, 18, 21, 59  
Selatan Thailand, 28  
senjata-senjata melayu, 29, 35, 39  
Songkla, 16

### **T**

Thailand, 9, 20, 23, 24, 28, 32, 34, 35, 42, 45, 59, 60, 61,  
63  
Timbalan Kelab Warisan, 41, 56, 62

Timbalan Pengurus Kelab Warisan, 9, 12, 35, 61  
Tom Pyrus, 47  
*TUDM*, 18

## **U**

**umur**, 29, 41, 56

## **W**

**warisan**, 40, 47, 57

## **Y**

Yayasan Melaka, 18, 58

## RUJUKAN

Muhamad Noor bin Awang Kechik (wawancara, 22 Nov, 2013). *Wawancara berkaitan pengalaman beliau sebagai seorang kolektor keris dan senjata melayu*. Diwawancara oleh Nor Izzati binti Abd Ghani. Kampung Bunut Susu: Kelantan.

# LAMPIRAN

**Gambar**



Gambar 1: Bersama tokoh Encik Muhamad Noor Awang Kechik



Gambar 2 : Koleksi-koleksi keris



Gambar3 : koleksi-koleksi keris





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan .....

Pada .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (interviewee)

Encik Mohd Noor Bin Awang Kecik

.....  
Dr Ghazali Bin Osman

Ketua Program

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA.

Nor Fadilah Binti Che Man

12 November 2013

Melalui,

Puan Nor Kamariah Bt Chik,  
Pensyarah,  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Machang Kelantan,  
Universiti Teknologi Mara,  
Bukit Ilmu, 18500 Machang,  
Kelantan.

Kepada:

Encik Mohd Noor Bin Awang Kecik

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN MENEMURAMAH**

Sukacitanya perkara diatas dirujuk.

2. Ada dimaklumkan bahawa saya adalah pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat ingin menemuramah puan bagi memenuhi keperluan kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan. Melalui pengajian awal, saya mendapati bahawa tuan mempunyai banyak pengalaman dalam pengumpulan keris-keris lama warisan di Kelantan.

3. Saya berharap dengan temuramah ini, dapatlah saya dan pihak fakulti mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang latar belakang puan dan peristiwa-peristiwa pahit serta pengalaman-pengalaman yang puan lalui sepanjang menceburi bidang ini. Diatas penglibatan dan pengalaman puan itulah yang membuatkan saya memilih untuk menemuramah puan.

4. Segala keprihatinan dan kerjasama dari pihak puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekini terima kasih.

Yang Benar

.....  
(Nor Fadilah Binti Che Man)